



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

### CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PERKAKASAN, PERISIAN DAN RANGKAIAN ICT BAGI PENGANTIAN SISTEM RANGKAIAN DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) KOTA KINABALU, SABAH

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
31/ 2022	210105 dan 210107	28/4/2022 Hingga 25/5/2022	26/5/2022 10.00 pagi INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) KOTA KINABALU, SABAH No. 3 (Lot 5), Malawa Zone, Jalan 2 KKIP Selatan 2, Kota Kinabalu Industrial Park, 88460 Kota Kinabalu Sabah	RM60.00	27/6/2022 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
  - i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
  - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan siji-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / WANG POS / KIRIMAN WANG** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi – 1.00 petang), (2.00 petang – 4.30 petang), Hari Isnin hingga hari Khamis, (8.30 pagi – 12.15 tengah hari), (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di bawah. **Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**
5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak & taklimat tender seperti alamat di atas. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.**
6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau mengangut tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeter dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN  
TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

**Pada atau sebelum 12.00 tengah hari**

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Pembelian Dokumen, Taklimat lawatan tapak dan penghantaran tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.